

US 11.8.10 ms 1

# Sebuah blok UNIMAS terbakar

KOTA SAMARAHAN, Selasa — Sebuah bangunan Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia di Kampus Timur, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) musnah sama sekali dalam satu kejadian kebakaran di Kota Samarahan di sini malam tadi.

Dalam kejadian pada kira-kira pukul 8.30 malam itu, tiada sebarang kemalangan jiwa dilaporkan dalam kebakaran blok yang memuatkan pejabat dekan dan pensyarah.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Kota Samarahan Ahamarie Juhai berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada pukul 8.57 malam sebelum jentera pertama tiba ke tempat kejadian pada pukul 9.10 malam.

Menurutnya, dua jentera masing-masingnya satu daripada Balai Bomba Kota Samarahan dan Balai Bomba Tabuan Jaya dengan 24 pegawai serta anggota terbabit dalam operasi memadam kebakaran malam tadi.

"Api telah merebak dengan pantas akibat angin yang kuat ketika itu dan sebaik kami tiba di tempat kejadian, bangunan separa kayu tersebut sudah 50 peratus terbakar.

"Bagaimanapun, kita berjaya mengawal kebakaran kira-kira 30 minit kemudian," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Ahamarie berkata, ketika kejadian itu berlaku, tiada seorang penghuni yang berada di bangunan pejabat berkenaan memandangkan ia berlaku pada waktu malam.

Kata beliau, pihaknya juga tidak mengalami sebarang masalah tekanan air malah bomba turut menggunakan air kolam berhampiran untuk memadam kebakaran tersebut.

Sementara itu tambahnya, punca kejadian serta jumlah kerugian akibat kebakaran itu masih dalam siasatan.



**MARAK ...** Keadaan api ketika marak. Gambar kecil, Pihak bomba dari Balai Bomba Kota Samarahan dan Balai Bomba Tabuan Jaya berusaha memadam kebakaran sebuah bangunan Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia di Kampus Timur yang berlaku malam semalam.